



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
BIL 1/2021**

**PENEMPATAN ISOLASI PELAJAR UMP KAMPUS PEKAN (RESIDEN PELAJAR 5)
KEMBALI KE KAMPUS SETELAH CUTI RAYA AIDILFITRI 2021**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Merujuk kepada Pemakluman Rasmi Hal Ehwal Pelajar ke 18 bil 3/2021 berkenaan Pematuhan Standard Prosedur (SOP) Pelajar Kembali ke Kampus Setelah Cuti Raya Aidilfitri 2021 mulai 15 Mei sehingga 20 Mei 2021. Bagi tujuan tersebut **SEMUA** pelajar perlu mengambil maklum serta mematuhi perkara-perkara sebagaimana dibawah;
 - I. Pelajar yang balik ke kampus pada **15 dan 16 Mei 2021** (Sabtu dan Ahad) akan menjalani **ISOLASI** di **Kampus Gambang**. Semua pelajar terlibat dikehendaki terus melapor di pintu masuk utama pihak Keselamatan UMP Kampus Gambang bagi mendapatkan info bilik isolasi dan lain-lain arahan yang berkenaan.
 - II. Semua Pelajar yang balik ke kampus pada **17 Mei 2021** (Isnin) akan menjalani **ISOLASI** di **Kampus Pekan**. Semua pelajar terlibat dikehendaki terus melapor di pintu masuk utama pihak Keselamatan UMP Kampus Pekan, menjalani saringan kesihatan di Pusat Aktiviti Pelajar (PAP) dan melapor diri di pejabat Residen Pelajar 5.
 - III. Pelajar Siswi yang balik ke kampus mulai **18 - 20 Mei 2021** (Selasa hingga Khamis) akan menjalani **ISOLASI** di **DHUAM**. Semua pelajar terlibat dikehendaki terus melapor di pintu masuk utama pihak Keselamatan DHUAM, menjalani saringan kesihatan di kaunter kesihatan dan melapor diri di Kaunter Residen Pelajar 5, Tower 1, DHUAM.
 - IV. Pelajar Siswa yang balik ke kampus pada **18 - 19 Mei 2021** (Selasa dan Rabu) akan menjalani **ISOLASI** di **Residen Pelajar 5**. Semua pelajar

terlibat dikehendaki terus melapor di pintu masuk utama pihak Keselamatan UMP Kampus Pekan, menjalani saringan kesihatan di Pusat Aktiviti Pelajar (PAP) dan melapor diri di pejabat Residen Pelajar 5.

- V. Pelajar Siswa yang balik ke kampus pada **20 Mei 2021** (Khamis) akan menjalani **ISOLASI** di **Residen DHUAM**. Semua pelajar terlibat dikehendaki terus melapor di pintu masuk utama pihak Keselamatan DHUAM, menjalani saringan kesihatan di kaunter kesihatan dan melapor diri di Kaunter Residen Pelajar 5, Tower 1, DHUAM.
 - VI. Manakala pelajar-pelajar sedia ada di Residen Pelajar 5 **KEKAL** di bilik masing-masing. Kunci bilik sementara yang telah diambil pada 15 Mei 2021 (Sabtu) perlu dikembalikan ke pejabat Residen Pelajar 5 pada 16 Mei 2021 (Ahad) bermula jam 9.30 pagi hingga 2.00 petang.
 - VII. Pelajar perlu mencetak dan membawa bersama dokumen berikut ketika melakukan proses daftar masuk di Pintu Utama dan di Residen Pelajar.
 - i. Surat Kebenaran Kembali ke Kampus
 - ii. Borang Saringan COVID-19 (Borang HDF) secara atas talian
2. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pejabat Residen Pelajar 5 di talian 09-424 5728/5727/5726/5705/5704.

Sekian Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah.

MUHAMMAD SALLEHUDIN BIN MD DERUS

Pengetua

Residen Pelajar 5

Tarikh: 15 Mei 2021

s.k Pengarah PKU
Bahagian Keselamatan

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita